

# CUTI BUKAN PENGHALANG KEJAYAAN KUMPULAN IN-SHOFF

22 Jun 2008 - Cuti bukan penghalang Ahli Kumpulan Nasyid In-shoff untuk meneruskan latihan bagi menghadapi beberapa pertandingan yang akan diadakan tidak lama lagi. Hampir 3 minggu Kumpulan In-shoff berlatih dan pertandingan pertama yang dimasuki ialah Pertandingan Nasyid Sempena Sambutan Hari Belia peringkat Negeri Perlis.

Pengorbanan setiap ahli kumpulan tidak sia-sia apabila Kumpulan In-Shoff dinobatkan sebagai Johan keseluruhan. Kumpulan In-shoff yang mendendangkan lagu Sesuci Hati dan Merdeka Hadhari. Lagu Sesuci Hati adalah hasil rekaan kumpulan tersebut dan Merdeka Hadhari ialah hasil ciptaan Prof. Dr. Ismail Abdullah dan Fauzi Marzuki telah memenangi wang tunai sebanyak RM 500.00 dan sijil penyertaan.

Pertandingan ini disertai oleh beberapa kumpulan yang berada di sekitar Perlis seperti Kumpulan Al- Falah dari Kolej Matrikulasi, Kumpulan Shoutul Shabab dari Maktab Rendah Sains MARA Beseri Perlis, Al – Hidayah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hassan dan kumpulan Belia dari Gerakan Belia 4B Negeri Perlis. Pertandingan tersebut dirasmikan oleh Penolong Pengarah Belia, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis, En. Mohd Nor Ab Rasid wakil kepada Exco Belia dan Sukan Negeri Perlis, YB Abdul Jamil Saad. Pertandingan nasyid ini adalah yang kedua dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri.

Pertandingan seumpama ini dapat memberi peluang dan pengalaman kepada Mahasiswa UniMAP bagi menempuh beberapa pertandingan yang akan datang.

Oleh : Rosernifariza Ramli dan Mashitoh Abu



## Sekalung Tahniah

Sekalung tahniah kepada Kumpulan In-Shoff kerana mendapat Johan Keseluruhan sempena Pertandingan Nasyid peringkat Negeri Perlis anjuran Jabatan Belia Negeri sempena sambutan Hari Belia Peringkat Negeri Perlis. Kumpulan Nasyid membawa pulang wang tunai RM 500.00 dan sijil penyertaan.